

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 18 OKTOBER 2022

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

### Petronas sumbang bantuan banjir

## Petronas sumbang bantuan banjir

**KUALA TERENGGANU** - Petroliam Nasional Bhd (Petronas) menyumbangkan empat bot dilengkapi enjin, tangki bahan api serta roda mudah alih kepada agensi penyelamat di Terengganu sebagai persediaan menghadapi banjir.

Pengurus Besar Petronas Pantai Timur, Mohammad Ahmad Shazly Ramli berkata, turut disalurkan 1,000 unit khemah perlindungan mangsa banjir, jaket keselamatan (700 unit) serta baju hujan (7,000 helai).

Menurutnya, bantuan itu adalah sebahagian daripada sumbangan berjumlah RM25 juta yang diperuntukkan oleh Petronas untuk mangsa banjir tahun ini.

"Petronas amat menghargai dan berterima kasih atas komitmen yang diberikan oleh pihak berkuasa dalam usaha menyelamatkan mangsa banjir.

"Kami berharap sumbangan ini dapat melancarkan lagi tugas pasukan penyelamat ketika bencana banjir," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tambahnya, sumbangan tersebut telah diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Tengku Farouk Husin Tengku Abd Jalil dalam majlis ringkas di Wisma Darul Iman, di sini pada Isnin. - *Bernama*